

## PERBAHASAN AYAT DOMINAN DALAM STRUKTUR BAHASA ARAB

<sup>1</sup>Mohd Hafizan Ab. Halim, <sup>2</sup>Kaseh Abu Bakar & <sup>3</sup>Zamri Arifin

Pusat Rantau Timur Tengah Dan Nusantara,

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Email: [hafizan2u@gmail.com](mailto:hafizan2u@gmail.com), [kaseh@ukm.edu.my](mailto:kaseh@ukm.edu.my), [abuzaim@ukm.edu.my](mailto:abuzaim@ukm.edu.my)

*Abstrak - Kajian ini bertujuan mengenalpasti tema kajian lepas berkaitan analisis sintaksis ayat bahasa Arab, mengesan kelompangan yang terdapat dalam kajian lepas analisis sintaksis ayat bahasa Arab dan) menonjolkan isu yang boleh dijadikan kajian baharu pada masa akan datang. Kajian ini merupakan sorotan literatur melalui analisis kandungan dan diuraikan secara deskriptif. Pengumpulan data diperolehi daripada tesis, disertasi, jurnal, buku, prosiding seminar dan laman sesawang. Hasil kajian terhadap binaan ayat dalam kajian terdahulu menunjukkan bentuk dominan ayat bahasa Arab dikaji oleh dua belas pengkaji, iaitu sebanyak 40% daripada jumlah pengkajian, unsur ayat pula dilakukan oleh sepuluh pengkaji, iaitu sebanyak 33%, isu pola ayat dikaji oleh lima orang pengkaji, iaitu sebanyak 17 %, manakala perbincangan terhadap perubahan binaan ayat dilakukan oleh tiga orang pengkaji, iaitu sebanyak 10%. Kajian ini mendapati jenis ayat yang penting untuk kajian ialah ayat jenis f'liyyah, berdasarkan ayat jenis ini ialah ayat dominan dan bahasa Arab didominasi oleh pola ayat f'liyyah. Tumpuan jenis ayat f'liyyah ialah ayat al-mabnī li al-majhūl atau ayat pasif. Di dapati struktur sintaksis ayat pasif masih banyak aspek perbincangan yang belum dijelaskan, khususnya melalui teori bahasa terkini iaitu Program Minimalis.*

**Kata kunci:** Analisis Sintaksis, Ayat Bahasa Arab, Binaan Ayat, Pola Ayat, Ayat Pasif, Program Minimalis.

### I. PENDAHULUAN

Kajian ini memberi tumpuan terhadap sintaksis, salah satu daripada cabang ilmu bahasa yang terpenting. Pengkajian terhadap sintaksis sentiasa berkembang dan para ilmuan tatabahasa terus berusaha memudahkan pembelajaran dan pemahaman ilmu ini sejak daripada awal pengkajian terhadap bahasa. Pada peringkat moden, sintaksis Arab terus berkembang sejajar dengan perkembangan ilmu linguistik barat yang telah meneroka dan memperkenalkan teori-teori bahasa. Terdapat usaha-usaha ilmuan tatabahasa yang cuba menerapkan teori-teori bahasa dalam bahasa Arab, antaranya penghuraian sintaksis Arab melalui Teori Transformasi Generatif. Rentetan daripada perkembangan dan usaha berterusan para ilmuan bahasa mengkaji dan menghasilkan teori-teori terkini, maka ilmuan bahasa Arab perlu turut mengambil bahagian mengkaji dan mengaplikasikan teori-teori tersebut dalam bahasa Arab, sebagai usaha meningkatkan pemahaman dan penjelasan terhadap sintaksis Arab. Namun, usaha mengadaptasikan teori-teori bahasa dalam bahasa Arab didapati masih kurang dilakukan, dengan andaian pengkaji-pengkaji terdahulu lebih selesa dengan ilmu sintaksis yang telah dibina oleh ilmuan terdahulu. Oleh itu, usaha untuk mengkaji sintaksis Arab sejajar dengan perkembangan semasa ilmu bahasa dijangka akan meningkatkan lagi kedudukan bahasa Arab dan usaha ini dapat menjadikan bahasa Arab sebagai penyumbang kepada perkembangan ilmu bahasa, khususnya dalam bidang sintaksis.

### II. PERNYATAAN MASALAH

Dalam ilmu bahasa, sintaksis dilihat lebih mendapat tumpuan daripada ahli linguistik, bahkan tumpuan ini bermula sejak usaha-usaha awal penelitian terhadap bahasa lagi. Hal ini kerana sintaksis merupakan inti pati utama sebarang kajian berkaitan bahasa. Sintaksis adalah satu kajian terhadap struktur dan pembentukan ayat. Kajian terdahulu dalam bahasa Arab oleh ilmuan tradisional Arab lebih menekankan kajian dalam bentuk deskriptif, iaitu kajian yang berkaitan terhadap penjelasan akhir perkataan dalam ayat dan alasannya. Perkembangan pengkajian terhadap sintaksis berterusan dan ilmuan bahasa meningkatkan kajian dan meneroka kajian-kajian secara berterusan. Sejalan dengan perkembangan ilmu linguistik, teori-teori bahasa yang dipelopori oleh ilmuan bahasa, khususnya dari barat terus berkembang. Daripada perkembangan teori ini, dilihat terdapat ruang-ruang pengkajian khususnya dari segi memahami pembentukan struktur ayat yang sedang diteroka dan pengkajian seumpama ini belum lagi dilakukan terhadap bahasa Arab. Namun, kajian terhadap teori-teori bahasa dalam ayat bahasa Arab masih diperingkat baharu serta masih kurang didapati. Hasil analisis keperluan ini menunjukkan bahawa kajian terhadap sintaksis bahasa Arab berasaskan kepada teori terkini bahasa perlu dilakukan bagi mengisi kelompangan yang didapati. Usaha ini adalah sebahagian daripada sumbangan terhadap ilmu bahasa Arab.

### III. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif melalui tinjauan literatur. Data diperolehi melalui tesis, buku ilmiah, jurnal, kertas kerja dan laman sesawang. Menurut Ahmad Munawwar dan Mohd. Nor Shahizan (2014) pengumpulan data boleh didapati melalui penelitian terhadap literasi kepustakaan, literasi kesusasteraan, manuskrip dan komunikasi menerusi media cetak, gambar atau visual penyiaran. Analisis kandungan digunakan untuk mengkaji beberapa tema dan kata kunci dalam data yang dikumpul. Bersesuaian dengan pandangan Mohd Syuhaimi et al. (2017) analisis kandungan dapat dilakukan berdasarkan teori yang dimodifikasikan seperti teori kata kunci dan teori bacaan. Data-data yang dikumpul disaring dan dianalisis secara tematik dengan tema kajian yang berkaitan analisis sintaksis ayat bahasa arab. Analisis tematik pada mulanya dijana secara induktif dari deretan maklumat atau dijana deduktif dari teori dan penyelidikan terdahulu (Boyatzis 1998). Selain itu, data juga dianalisis secara deskriptif.

### IV. HASIL KAJIAN

#### A. Kajian Lepas Berkaitan Perkembangan Sintaksis Arab

Kajian awal mendapati banyak kajian berkaitan sejarah perkembangan sintaksis Arab dilakukan dalam kajian Shawqī Dayf (1986), Ibn Hishām (1990), Saqqal (1991) dan Ibn Jinnī (1999). Kemunculan sintaksis sebagai satu disiplin ilmu mempunyai perkaitan yang erat dengan tamadun Islam dan bahasa Arab. Perbincangan sintaksis sering dikaitkan dengan ilmu *ṣarf* kerana kedua-duanya merupakan asas tatabahasa Arab. Antara faktor utama yang menyumbang kepada kelahiran ilmu sintaksis bertujuan untuk menjaga kesucian dan keharmonian bacaan ayat al-Quran daripada sebarang kesalahan dan kecacatan bahasa. Sintaksis Arab membincangkan aspek struktur ayat, manakala *ṣarf* membincangkan tentang pembinaan perkataan. Antara ilmuan bahasa yang terkenal dalam bidang sintaksis arab seperti Khalīl (M175H), Sībawaih (M 180H), Ibn Jinnī (M392H), Ibn Mālik dan lain-lain. Hal ini dapat dibuktikan melalui penulisan mereka dalam penulisan kitab-kitab yang membincangkan topik berkenaan sintaksis bahasa Arab. Dengan berkembangnya penulisan kitab-kitab berkaitan ilmu sintaksis Arab, maka lahir beberapa aliran mazhab yang terkenal dalam bidang ini seperti aliran Kufah, Basrah, Andalus dan Mesir. Aliran-aliran ini berperanan mengemukakan pandangan bersandarkan hujah-hujah dan alasan mereka tersendiri. Keadaan ini menyukarkan orang awam mempelajari ilmu ini kerana terikat kepada beberapa pecahan pendapat mazhab yang berbeza-beza. Situasi ini mula berlanjutan sehingga lahirnya beberapa pakar linguistik aliran Andalus membuka jalan kearah memudahkan pemahaman tatabahasa Arab seperti Ibn ʿUṣfūr (M 669H) dengan karya *al-Mumtīʿ fi al-Taṣrīf*, Ibn Maḍāʾ al-Qurtubī (M 592H) kitabnya *al-Radd ʿala al-Nuḥāt*, Ibn Mālik dengan *karyanya al-alfiyah* (M 672H). Ahli bahasa aliran Andalus tidak mendalami alasan-alasan logik nahu dan *ṣarf* sebaliknya mereka berhujah dengan dalil al-Quran, al-hadīth, syair dan nukilan orang yang fasih (Shawqī Dayf 1968).

Kemuncak pembaharuan terhadap ilmu tatabahasa Arab dicetuskan oleh Ibn Maḍāʾ al-Qurtubī (M592H), seorang tokoh aliran Andalus yang terkenal dan pencetus kepada gerakan reformasi pembaharuan tatabahasa Arab. Sumbangan beliau dapat dilihat melalui kitabnya *al-Radd ʿala al-Nuḥāt*. Gerakan yang dibangkitkan oleh beliau sebagai usaha membebaskan pengaruh falsafah dan mantik yang keterlaluan dan merumitkan pemahaman tatabahasa Arab. Usaha untuk memulih tatabahasa Arab dilakukan dengan menyusun semula asas-asas tatabahasa Arab setelah sekian lama menjadi pegangan ilmuan tatabahasa Arab. Ibn Maḍāʾ membantah teori al-ʿāmil dan al-maʿmūl (teori sebab dan penyebab serta kesannya, melarang penggunaan kaedah al-ʿilal, al-qiyās, hipotesis dan latihan bentuk penggunaan bahasa Arab yang direka-reka yang belum tentu penggunaan bahasa yang tepat (Ibn Maḍā 1976). Pengaruh aliran Andalus mendapat perhatian dalam kalangan pakar linguistik aliran Mesir sehingga lahirnya mazhab Mesir yang mendapat manfaat daripada metodologi yang digunakan oleh pakar-pakar linguistik aliran sebelumnya yang berhijrah ke Mesir. Di zaman ini, pakar linguistik lebih menumpukan kepada penulisan dan penyusunan tatabahasa Arab secara sistematik dan teratur. Antara tokoh ilmuan tatabahasa yang banyak berjasa dalam aliran Mesir ialah Ibn Hishām (M 761H) dan al-Suyūṭī (M911H).

Pada peringkat moden, beberapa usaha telah dilakukan oleh para sarjana tatabahasa Arab untuk memperkasa dan memudahkan ilmu tatabahasa Arab. Tokoh yang terkenal di zaman ini ialah Rifāʿah al-Tahtawī (1801-1873M) penulis buku *al-Tuḥfah al-Maktabiyah fi taqrīb al-Lughah al-ʿArabiyah*. Antara pembaharuan yang dilakukan oleh beliau dalam buku ini iaitu memuatkan huraian bentuk-bentuk fungsi tatabahasa Arab secara ringkas dan padat dalam bentuk jadual (Shawqī Dayf 1995). Huraian tatabahasa dalam bentuk jadual yang dibentuk dalam penulisan buku beliau dapat memudahkan pelajar mempelajari dan memahami topik tatabahasa Arab dengan lebih cepat. Usaha ini diteruskan lagi oleh sarjana selepasnya seperti Hifni Nasīf, Ali Jarim dan Muṣṭafa Amin dalam penulisan buku-buku tatabahasa Arab yang mengadaptasi kaedah-kaedah dan teknik pembelajaran tatabahasa Arab yang lebih moden (Muhammad Marwan & Wan Moharani 2008). Di peringkat ini, usaha yang dilakukan oleh tokoh linguistik Arab lebih tertumpu kepada

memudahkan pembelajaran tatabahasa Arab dalam kalangan pelajar. Antara sarjana bahasa yang melakukan pembaharuan dalam penulisan buku-buku tatabahasa Arab seperti *Al-Taṭbīq al-Nahwi* karya ʿAbduh al-Rājihī, *Tajdid al-Nahw al-Taʿlīmī* karya Shawqī Dayf, *Al-Lughah al-ʿArabiyyah: Maʿānīha wa Mabānīha* karya Tammām Hassan dan *Hādha al-Nahw* karya Amin Khūlī. Ciri-ciri yang terdapat dalam buku tulisan mereka seperti pengenalan takrif topik tatabahasa Arab, analisis contoh tatabahasa Arab dan diakhiri dengan latihan pengukuhan. Penulisan buku-buku tatabahasa Arab ini bukan sahaja digunakan di negara-negara Arab tetapi digunakan sebagai rujukan dalam pengajian bahasa Arab di Malaysia. Dalam konteks perbahasan sintaksis, rentetan sejarah membuktikan kebangkitan ulama silam dan moden telah memberi sumbangan besar melalui penyusunan dan penulisan buku-buku ilmiah yang dapat memudahkan proses pembelajaran sintaksis Arab.

## B. Kajian Lepas Berkaitan Definisi Ayat Bahasa Arab

Dalam sintaksis, ayat adalah unit yang terbesar dan paling tinggi, yakni tidak ada unsur sintaksis yang lebih besar daripada ayat. Ini adalah kerana ayat mengandungi makna yang lengkap berbanding dengan unit-unit sintaksis yang lain. Justeru, Arbak Othman (1983) melihat ayat sebagai susunan-susunan perkataan yang tidak sembarangan, malahan mengikut cara-cara dan peraturan tertentu. Susunan perkataan dalam ayat dianggap memenuhi peraturan sekiranya tidak menyalahi peraturan berbahasa yang diterima pakai oleh asal usul kebiasaan sesuatu bahasa. Tumpuan terhadap ayat dalam bahasa telah bermula sejak seawal zaman Plato (347 S.M) sehinggalah ke hari ini. Pelbagai skop kajian berkaitan ayat telah dilakukan. Antara topik yang menjadi perbahasan para ilmuan bahasa ialah menentukan definisi ayat. Naḥlah (1988) menganggarkan hampir tiga ratus definisi ayat dalam pelbagai bahasa telah diketengahkan oleh mereka. al-Asadī (2007) menyatakan, pengkajian terhadap ayat dalam bahasa Arab telah bermula seawal ilmu tatabahasa ini diletakkan batu asasnya oleh Abu al-Aswad al-Duʿālī (M 69H) lagi. Dalam menjelaskan maksud ayat, didapati sebilangan pengkaji bahasa Arab merujuk kepada istilah *al-kalām* dan sebahagian yang lain pula merujuk kepada *al-jumlah*. Selain itu, terdapat pula penjelasan serta huraian mereka berkenaan perbezaan atau persamaan antara *al-kalām* dan *al-jumlah*. Ini dapat dilihat dalam penulisan terawal tatabahasa Arab iaitu *al-Kitāb* karangan Sībawaiḥ (M 180H). Beliau tidak menggunakan ungkapan *al-jumlah*, sebaliknya menggunakan ungkapan *al-kalām* sebagai istilah yang merujuk kepada ayat (al-Farrāj 2000).

Terdapat juga pandangan yang mengatakan kedua-dua perkataan tersebut adalah dua perkataan yang memberi makna yang sama. Ini dapat dilihat sepertimana yang dipetik oleh Qabāwah (1981) berkenaan kenyataan al-Zamakhshārī (538H) dalam kitab karangannya, *al-Mufaṣṣal*: “*al-kalām* ialah frasa yang terdiri daripada dua perkataan, yang bersandar antara satu sama lain, yang datang dalam bentuk sama ada dua kata nama seperti:

<i>Zaid akhūk</i>	<i>Zaid abang kamu</i>
<i>ḍaraba Zaid.</i>	<i>(dia) memukul Zaid. sebagai al-Jumlah”.</i>

Antara penulisan lain yang menggunakan *al-kalām* sebagai maksud kepada ayat ialah dalam kitab *Masāʿil Khilāfiyyah* karangan al-ʿUkbārī (616H). Beliau menyatakan bahawa *al-kalam* adalah *al-jumlah* yang memberi makna yang sempurna. Qabāwah (1981) menjelaskan, maksud umum daripada ungkapan beliau itu menunjukkan bahawa *al-kalam* adalah seperti dengan *al-jumlah*. Terdapat tokoh bahasa yang melihat terdapatnya perbezaan antara *al-kalām* dan *al-jumlah*. Astrābādī (1978) menyatakan bahawa *al-jumlah* mengandungi sandaran asli (*al-isnād al-aṣlī*), sama ada memberi maksud dengan sendirinya atau tidak, manakala *al-kalām* terdiri daripada sandaran asli dan hanya memberi maksud dengan sendiri. Oleh itu boleh dikatakan bahawa setiap *al-kalām* adalah *al-jumlah* dan bukan sebaliknya. Manakala penggunaan perkataan *al-jumlah* sebagai istilah yang merujuk kepada ayat, al-Asadī (2007) dikatakan bermula daripada al-Mubarrid (285H) dalam kitabnya *al-Mughṭaḍab*, kemudian diikuti Ibn al-Sirāj (316H) dalam kitabnya *al-Uṣūl fi al-Nahw. Abu ʿAli al-Fārisī* (377H) pula adalah orang pertama yang meletakkan bab khusus dalam perbahasan mengenai *al-jumlah* dalam kitabnya *al-Masāʿil al-ʿAskariyyah fi al-Nahw al-ʿArabī*.

Perbincangan yang lebih meluas mengenai *al-jumlah* sebagai istilah tatabahasa telah dilakukan oleh Ibn Hishām al-Anṣārī (761H) dalam kitabnya *Mughnī al-Labīb* yang telah meletakkan bab kedua khusus untuk menghuraikan perkara-perkara berkaitan ayat dalam bahasa Arab. Secara umumnya, istilah *al-jumlah* telah digunakan oleh para pengkaji bahasa terkemudian apabila membincangkan berkaitan ayat serta struktur-struktur binaannya. Dalam pengkamus bahasa Arab, *al-jumlah* adalah kata nama tunggal bagi perkataan *jumal*. *Jumlah* membawa maksud himpunan sesuatu yang dihitung secara sempurna atau tidak, himpunan atau gugusan sesuatu atau himpunan kesemuanya (ibn Manzūr 1311, al-Rāzī 1986, al-Farahīdī 2003, al-Muʿjam al-Wasiṭ 2004). Manakala pada istilah ahli tatabahasa dan retorik, *al-jumlah* boleh didefinisikan sebagai setiap kata-kata yang mengandungi unsur benda dan cerita, (al-Muʿjam al-Wasiṭ 2004, al-Muʿjam al-ʿArabī al-Asāsī tt), atau ungkapan yang terdiri daripada dua lafaz atau lebih, yang mengandungi makna tersendiri atau himpunan perkataan yang asasnya adalah dua perkataan utama, sama ada kata kerja dan pelaku

yang dikenali sebagai ayat kerjaan (*jumlah fi'liyyah*), ataupun subjek dan predikat yang dikenali sebagai ayat namaan (*jumlah ismiyyah*) (al-Tunji 2001). Daripada perspektif moden, pengkaji seperti al-Hāshimī (2000), al-Daḥdāh (1992) dan Ya'qūb (1988) menyatakan ayat adalah rangkaian perkataan yang mengandungi maksud sempurna yang cukup memberi faham serta wajar diakhiri dengan kesenyapan, di mana pendengar tidak ternanti-nanti ungkapan seterusnya. Ayat yang diakhiri dengan kesenyapan ini terhasil melalui ikatan bentuk sandaran yang wujud antara unsur benda dan cerita. Gandingan kedua-dua unsur utama ini juga dikenali sebagai kesatuan sandaran (*wiḥdah isnādiyah*) atau frasa sempurna (*murakkab tām*).

Pengertian terhadap ayat dilihat perlu dikaitkan dengan aspek kesempurnaan makna. al-Sāmīrā'i (2013) menyatakan ayat perlu membawa makna, kerana sekiranya tidak memberi apa-apa makna maka ayat tersebut adalah sia-sia. Menurut beliau, perkataan yang disusun tanpa mempunyai sesuatu ikatan yang membawa makna tertentu, tidak dinamakan sebagai satu ungkapan. Mohd Faiz (2004) menyifatkan ayat yang sempurna adalah ayat yang difahami maksudnya sama ada dalam bentuk satu perkataan ataupun rangkaian beberapa perkataan. Oleh itu, maksud yang difahami membezakan sama ada sesuatu perkataan atau rangkapan perkataan itu sepatutnya dinamakan sebagai ayat yang sempurna atau bukan. Selain itu al-Khūlī (1993) mensyaratkan, pengertian ayat juga perlu dikaitkan dengan aspek binaan serta susunan perkataan yang disebut sebagai pola (*namṭ* atau *qālib*). Ayat yang sempurna hanya terbentuk daripada pola yang menepati rumus tatabahasa. Jenis ayat juga dapat ditentukan menerusi pola-pola tertentu. Walaupun begitu, Abu 'Audah (1990) dan al-Jārim (1953) menyatakan ayat yang cukup memberi faham kadang kala boleh terbina hanya daripada satu perkataan sahaja. Berdasarkan kepada pengkajian-pengkajian terhadap ayat, dapat dirumuskan bahawa ayat ialah satu konsep kesempurnaan makna yang difahami daripada satu perkataan atau susunan rangkaian perkataan. Ayat dibina dengan ikatan kesatuan sandaran unsur benda dan cerita yang tersusun mengikut acuan pola yang menepati hukum tatabahasa Arab dan tertakluk kepada penerimaan dan penggunaan yang biasa dituturkan oleh penutur-penutur asli bahasa tersebut.

### C. Kajian Lepas Berkaitan Binaan Ayat Bahasa Arab

Pada bahagian ini, pengkaji akan membincangkan mengenai kajian-kajian terdahulu terhadap binaan ayat bahasa Arab. Binaan ayat terbentuk daripada unsur ayat, iaitu unit-unit yang membentuknya. Dalam bahasa Arab, unsur ayat terdiri daripada dua unsur utama iaitu unsur *musnad* (benda) dan *musnad ilāih* (cerita) sama ada melalui binaan *fi'l* (kata kerja) + *fā'il* (kata nama) (*jumlah fi'liyyah*) atau *ism* + *ism* / *fi'l* (*jumlah ismiyyah*). Dalam ayat *fi'liyyah*, *fi'l* adalah *al-musnad*, dan *fā'il* adalah *al-musnad ilāih*. Manakala dalam ayat *ismiyyah*, *musnad* ialah *khbar* dan *musnad ilāih* adalah *mubtada'* (Ibn Mālik 1982, al-Daḥdāh 1981, al-Faḍla 1971). Menurut al-Astrabādhi (1978), *musnad* dan *musnad ilāih* adalah asas kepada setiap ayat, justeru kedua-dua *musnad* dan *musnad ilāih* yang terdiri daripada *mubtada'*, *khbar*, *fi'l*, *fā'il*, *nāib fā'il* dan yang bersamaan hukum dengannya, dikenali oleh ahli tatabahasa Arab sebagai *al-ʿamd* (asas) kerana ianya tidak dapat disingkirkan dalam setiap pembinaan ayat bagi melengkapkan maksud dan menjadi asas kesempurnaan sesuatu ayat. Daripada ungkapan tersebut, 'Amāyirah (1984) menegaskan bahawa *musnad* dan *musnad ilāih* adalah asas sandaran utama bagi setiap ayat, manakala yang lain daripada itu adalah penambahan dan penyempurnaan bagi sesuatu ayat yang mungkin boleh digugurkan tanpa menjejaskan makna atau struktur ayat tersebut.


Justeru, pada asasnya ayat dalam bahasa Arab terbahagi kepada dua bentuk binaan, iaitu dalam bentuk ayat *fi'liyyah* dan ayat *ismiyyah*. Ayat *fi'liyyah* ialah setiap ayat yang bermula dengan *fi'l*, sama ada *fi'l māḍi* (kata kerja kala lampau), *fi'l muḍārī* (kata kerja kala kini) atau *fi'l amr* (kata kerja imperatif). Setiap *fi'l* perlu dikaitkan dengan *fā'il* dalam pelbagai bentuk, ada kalanya dalam bentuk *ism*, *ḍamīr muttasīl* (kata ganti nama berhubung) atau *ḍamīr munfaṣīl* (kata ganti nama diri terpisah). Perkaitan antara *fi'l* dan *fā'il* dalam ayat *fi'liyyah* turut dilihat kepada ayat yang hadir bersama *al-mabnī li al-ma' lūm* (kata kerja aktif) dan ayat yang hadir bersama *al-mabnī li al-majhūl* (kata kerja pasif). Kata kerja aktif ialah kata kerja yang diketahui serta disebut pelakunya, manakala kata kerja pasif ialah kata kerja yang digugurkan pelaku atas sebab tertentu. Elemen *al-musnad Ilāih* (benda) dalam ayat ini ialah *nāib fā'il* (pelaku ganti) (Naḥlah 1988, al-Daḥdāh 1993).

Manakala ayat *ismiyyah* ialah ayat yang bermula dengan *ism marfū'* yang di'*rāb* sebagai *mubtada'* dan diperjelaskan oleh *khbar*. Contohnya, seperti ayat *al-jundiyyu shujā'* (tentera itu berani). ('Amāyirah 1984; Naḥlah 1988; Ibn Hishām 1995; Ḍāyf 1995; Qaddūr 1996). Binaan struktur ayat *fi'liyyah* dan *ismiyyah* tidak semestinya hanya berbentuk seperti yang dinyatakan. Adakalanya berlaku perubahan, bahkan perubahan tersebut adalah secara drastik, seperti dalam struktur ayat *fi'liyyah* ada ketika wajib mendahulukan *maf'ūl bih* daripada *fā'il* atau dibenar mendahulukan *maf'ūl bih* daripada *fi'l*, dan ada kalanya wajib mendahulukan *maf'ūl bih* daripada *fi'l*. Begitu juga bagi ayat *ismiyyah*, terdapat faktor-faktor struktur ayat dan makna yang dapat mengubah pola urutan *mubtada'* dan *khbar*, apabila berlakunya perubahan kedudukan. Terdapat empat bentuk kedudukan *mubtada'* dan *khbar* pada ayat *ismiyyah* iaitu *mubtada'* mendahului *khbar*, *khbar* mendahului *mubtada'*, dinyatakan *khbar* tanpa *mubtada'* dan dinyatakan *mubtada'* tanpa *khbar*. al-Farrāj (2000) menyatakan, pada asasnya *mubtada'* dalam ayat *ismiyyah* dinyatakan bagi menyempurnakan berita tentang sesuatu yang wujud, tetapi harus digugurkan *mubtada'* apabila terdapat dalil seperti sedia dimaklumi dan telah jelas. Selain itu, keperluan perubahan kedudukan struktur-struktur asas ini adalah untuk beberapa tujuan seperti untuk penekanan, pengkhususan, keperluan makna, kekaguman, mengagungkan, menyanjung,

*Manuscript received 16 Julai 2020, revised 16 Julai 2020*

*Copyright © 2020 Tazkia University College of Islamic Economic. - All rights reserved*

mencela, menaruh kasihan, atau mendo'akan (Rappe 2018; Kafin Jaladri 2013). Pengkajian terhadap binaan ayat turut membincangkan berkenaan pola-pola ayat atau acuan yang membentuk ayat, antaranya oleh Rappe (2018); Yuliana Iyan (2016); Kafin Jaladri (2013); Mohd Hafizan (2012); Al-Khūli (2001). Ayat terhasil berdasarkan acuan-acuan bentuk yang tertentu. Bentuk sintaksis (*al-qālib al-nahwiyyah*) ialah struktur yang tersembunyi di sebalik ayat. Setiap ayat mempunyai pola dan setiap pola dapat membina berjuta-juta ayat. Oleh itu, bilangan pola ayat adalah terhad, manakala bilangan ayat tidak mempunyai had. Al-Khūli (2001) menyenaraikan bentuk pola asas sekurang-kurangnya terdiri daripada enam bentuk iaitu lima bagi ayat *fi'liyyah* dan satu bagi ayat *ismiyyah*, seperti rajah berikut:



Rajah 1.0 Pola asas dan terbitan ayat Bahasa Arab  
Sumber: Pengkaji 2020

Pola asas ayat *fi'liyyah* iaitu  $fi' l + fā' il$ ,  $fi' l + fā' il + maf' ul bih$ ,  $fi' l + fā' il + harf jar + majrūr$ ,  $fi' l + fā' il + maf' ul bih + maf' ul bih$  dan  $fi' l + fā' il + maf' ul muṭlaq$ . Pola asas ayat *ismiyyah* ialah *mubtada' + khabar*. Manakala bentuk pola terbitan terdiri daripada lima bentuk. Pola terbitan ayat *fi'liyyah* terdiri daripada dua bentuk iaitu  $fi' l + fā' il + zarf al-zamān$  dan  $fi' l + fā' il + ḥāl$  dan pola terbitan ayat *ismiyyah* terdiri daripada tiga bentuk iaitu *mubtada' + ayat ismiyyah*, *mubtada' + ayat fi'liyyah* dan *inna + ism inna + khabar inna*. Perbincangan terhadap pola ayat turut melibatkan kajian analisis bentuk-bentuk pola yang terdapat dalam sesuatu teks bahasa Arab. Antaranya, kajian oleh Mohd Hafizan (2012) terhadap lapan puluh lapan ayat daripada teks hadis kajian. Beliau mendapati jumlah pola dalam teks kajian adalah sebanyak dua puluh empat bentuk pola, iaitu lima bentuk pola daripada jenis pola asas dan sembilan belas bentuk pola terbitan. Pola yang terbanyak digunakan ialah pola berbentuk  $fi' l + fā' il + maf' ul$  iaitu sebanyak lima puluh enam kali, pola  $fi' l + fā' il$  dua puluh tiga kali dan pola *mubtada' + khabar* dua puluh tiga kali. Dapatan kajian ini menunjukkan pola ayat *fi'liyyah* mendominasi ayat-ayat dalam teks hadis kajian.

Pengkajian terhadap binaan ayat turut melibatkan persoalan berkenaan bentuk dominan ayat bahasa Arab, sama ada binaan ayat dominan bahasa Arab adalah ayat *fi'liyyah* atau ayat *ismiyyah*. Menurut Shormani (2015); Fakhri (2016); Aidina Rizki (2017), berdasarkan kepada bukti-bukti daripada sintaksis dan semantik, ayat bahasa Arab ialah bahasa aturan kata  $fi' l + fā' il + maf' ul$  (kata kerja+subjek+objek (KSO)), atau ayat *fi'liyyah*. Kedua-dua bukti tersebut, hampir keseluruhannya menunjukkan bahasa Arab sebagai bahasa ayat *fi'liyyah*. Kenyataan tersebut juga selari dengan pandangan Anshen dan Shreiber (1967); Majdi (1990) dan lain-lain. Kebanyakan pengkaji sintaksis Arab seperti Bakir (1980); Emonds (1980); Ayoub (1981); Mohammad (1990,2000); Fassi Fehri (1993); Plunkett (1993); Aoun et.al (1994) bersetuju bahawa bahasa Arab hanya terdapat dua jenis susunan bahasa iaitu ayat *fi'liyyah* (KSO) dan ayat *ismiyyah* (SKO), manakala bentuk-bentuk lain disebabkan oleh pergerakan. Aidina Rizki (2017) menyatakan ayat *fi'liyyah* dengan urutan kata berbentuk KS(O) (kata kerja + subjek + (objek)) adalah pola dominan dalam bahasa Arab. Manakala pola urutan alternatif ialah subjek+kata kerja + objek (SKO), objek+kata kerja+subjek (OKS) dan kata


kerja+objek+subjek (KOS). Menurut beliau, pola urutan kata dalam bahasa Arab memiliki urutan alternatif yang digunakan bagi tujuan pemfokusan ayat.

#### D. Aspek Kajian Terhadap Struktur Binaan Ayat Bahasa Arab

Manakala aspek kajian terhadap struktur binaan ayat bahasa Arab yang menjadi perhatian pengkaji terdahulu dianalisis secara kekerapan, jumlah dan peratusan. Daripada pengkajian lepas terhadap binaan ayat, didapati terdapat empat isu yang menjadi tumpuan kajian iaitu perbincangan tentang unsur ayat, perubahan binaan ayat, pola-pola yang membentuk ayat serta bentuk ayat dominan dalam bahasa Arab.

Jadual 7 Jumlah peratusan kajian terhadap binaan ayat bahasa Arab

	Unsur ayat	Perubahan binaan ayat	Pola-pola ayat	Bentuk dominan ayat	Jumlah
Jumlah	10	3	5	12	30
Peratus	33	10	17	40	100



Berdasarkan kepada carta di atas, pengkajian tentang bentuk dominan didapati dibincangkan oleh dua belas pengkaji, iaitu sebanyak 40% daripada jumlah pengkajian. Perbincangan terhadap unsur ayat pula dilakukan oleh sepuluh pengkaji, iaitu sebanyak 33% daripada jumlah kajian yang dilakukan. Isu pola ayat pula dibincangkan oleh lima orang pengkaji, iaitu sebanyak 17%, manakala perbincangan terhadap perubahan binaan ayat dilakukan oleh tiga orang pengkaji, iaitu sebanyak 10%. Daripada kajian lepas ini, didapati perbincangan terbanyak ialah tentang bentuk dominan ayat bahasa Arab. Perbincangan ini menjelaskan sama ada binaan ayat dominan bahasa Arab adalah ayat *fi'liyyah* atau ayat *ismiyyah*. Daripada perbincangan ini, didapati kesemua pengkaji bersetuju bahawa ayat dominan bahasa Arab adalah ayat *fi'liyyah* iaitu ayat yang terbentuk daripada struktur *fi'l + fa'il + maf'ul* (KSO). Dapatan ini jelas menepati kajian-kajian lain yang menyenaraikan bahasa Arab dalam kelompok bahasa di dunia dengan aturan kata KSO (VSO) selain daripada bahasa *Biblical Hebrew, Irish, Filipino, Tuareg-Berber* dan *Welsh* (Tomlin 1986; Meyer 2010). Dapatan ini juga menunjukkan keutamaan ayat jenis *fi'liyyah* melebihi ayat jenis *ismiyyah* dalam bahasa Arab.

Manakala pengkajian terhadap unsur ayat bahasa Arab kedua terbanyak. Dalam bahasa Arab, unsur ayat terdiri daripada dua unsur utama iaitu unsur *musnad* (benda) dan *musnad ilaih* (cerita). Dalam ayat *fi'liyyah*, *fi'l* adalah *al-musnad*, dan *fa'il* adalah *al-musnad ilaih*. Manakala dalam ayat *ismiyyah*, *khobar* ialah *musnad* dan *mubtada'* adalah *musnad ilaih*. Berdasarkan kepada dapatan ini, menunjukkan bahawa unsur *musnad* dan *musnad ilaih* adalah penting untuk dibincangkan kerana kedua-dua ini adalah unit-unit yang membentuk ayat yang dikenali oleh ahli tatabahasa Arab sebagai *al-ʿamd* (asas). Kedua-dua unsur ini akan menentukan jenis ayat dan seterusnya membawa kepada penentuan *i'rab* dan hukum nahu.

## E. Kajian Pilihan Dalam Jenis Ayat Bahasa Arab

Seperti yang telah dinyatakan daripada kajian ini, pilihan cadangan bagi kajian lanjutan terhadap ayat bahasa Arab ialah terhadap ayat *fi'liyyah*. Ayat ini erbahagi kepada dua bentuk binaan iaitu bentuk *al-mabnī li al-ma'lūm* (ayat aktif) dan *al-mabnī li al-majhūl* (ayat pasif). Ayat *al-mabnī li al-ma'lūm* ialah ayat yang dinyatakan *fā'il*, dalam bentuk struktur ayat *fi'li + fā'il + (maf'ūl)*. Manakala ayat *al-mabnī li al-majhūl* ialah ayat yang digugurkan *fā'il* dan diganti dengan *nāib fā'il*. Dalam pengkajian analisis yang telah dilakukan terhadap ayat *al-mabnī li al-majhūl* atau ayat pasif, didapati terdapat kajian oleh al-Shorafat (2018) yang menyatakan, analisis struktur sintaksis ayat pasif dalam bahasa Arab masih banyak aspek perbincangan yang belum dijelaskan. Oleh kerana struktur pasif bahasa Arab adalah berbeza berbanding bahasa-bahasa lain dan mempunyai ciri keistimewaan tersendiri, maka analisis terhadapnya juga adalah agak berbeza dan mempunyai cabarannya yang tersendiri. Kenyataan ini dikuatkan lagi melalui kajian oleh Kartini (2013), yang menggambarkan analisis terhadap aspek hubungan antara kata kerja dan pelaku dalam ayat, khususnya ayat pasif adalah mencabar. Beliau menyatakan, masih berlaku beberapa perubahan analisis ke atas struktur pasif dalam bahasa sejagat. Berdasarkan kepada penelitian terhadap kajian tersebut, analisis ayat pasif boleh dikatakan masih lagi diperingkat baharu dan hanya melibatkan beberapa aspek kajian. Dari segi metodologi kajian, kajian terhadap ayat pasif bahasa Arab secara tradisional didapati lebih menjadi pilihan pengkaji terdahulu. Berdasarkan kepada kajian terdahulu, didapati ilmu tradisional Arab telah menjelaskan struktur pasif bahasa Arab dari sudut pembentukan kata kerja pasif dan struktur ayat pasif. Kajian terhadap kata kerja pasif melibatkan penghuraian proses pertukaran bentuk aktif kepada bentuk pasif melalui penyesuaian morfem pasif (*u,i*) dan (*u,a*) yang dimasukkan pada dasar *fi'li*. Kajian terhadap struktur ayat pasif pula melibatkan penjelasan terhadap *nāib fā'il* (pelaku ganti), ialah kata nama nominatif yang didahului oleh *al-fi'li al-mabnī li al-majhūl* (kata kerja pasif) atau setara dengannya.

Manakala dalam analisis struktur ayat bahasa Arab berdasarkan kepada teori bahasa terkini, Ayyat (2013) mendakwa hanya terdapat satu kajian dalam struktur pasif ringkas bahasa Arab iaitu oleh Soltan (2007) yang mengkaji melalui Teori Minimalis. Walau bagaimana pun, didapati pengkaji-pengkaji seperti Shormani (2015), al-Burarabi (2015) dan al-Qbailat (2016) turut mengkaji struktur pasif melalui Teori Minimalis bagi menjelaskan pergerakan *fā'il* dalam ayat pasif dan menggambarkan proses pergerakan tersebut dalam bentuk yang lebih mudah, ringkas dan tiada kelewahan. Oleh itu, kajian lanjutan berkenaan ayat pasif dalam bahasa Arab perlu dilakukan, tambahan pula terdapat dakwaan daripada Ayache (2018) yang mengatakan terhadap satu lagi bentuk pasif dalam bahasa Arab yang dikenali sebagai pasif derivasi atau suara pertengahan masih belum dikaji. Kenyataan tersebut turut diperkukuhkan oleh al-Shorafat (2018) yang menegaskan dalam cadangan kajian lanjutan beliau, bahawa pembentukan ayat pasif bahasa Arab belum dikaji secara lebih mendalam.

Justifikasi pemilihan Program Minimalis (*al-Barnāmij al-Muṣaḡghar*) sebagai metodologi kajian adalah kerana program ini merupakan perkembangan terkini daripada Teori Transformasi Generatif yang diilhamkan oleh Chomsky pada tahun 1993 dan diperkenalkan secara rasmi pada tahun 1995 (Kartini 2015). Program ini menekankan bahawa sesuatu teori mesti dapat menjelaskan nahu sesuatu bahasa itu seminimal yang mungkin. Program ini juga menekankan deskriptif tentang nahu. Nahu deskriptif melibatkan proses memerhati, menjelaskan, dan menganalisis ayat yang dituturkan oleh penutur, dan bukan menjelaskan cara untuk mengujar, yakni nahu preskriptif. Menurut Fazal Muhammad (2015), Program Minimalis merupakan satu perubahan besar dalam Teori Transformasi. Dikenali sebagai "Program", merupakan satu set idea programatik untuk pembentukan rangka kerja teoritikal untuk sintaksis. Ia bertujuan untuk menghapuskan dari teori linguistik apa-apa yang "hampir tidak diperlukan" (Adger 2003). Program ini adalah satu model Tatabahasa Sejagat yang diandaikan telah dimiliki oleh manusia sejak lahir lagi dalam fakulti bahasanya dan dipercayai dapat menghuraikan lebih minimal dan berpada berikutan perubahan konseptual yang mendasari pendekatan berkenaan. Chomsky cuba untuk memasukkan kewajaran konsepsi seperti kesederhanaan, ekonomi, simetri, dan ketidaklewahan dengan menjelaskan derivasi yang berlaku dalam kognisi secara teoritikal bagi memahami fenomena yang terjadi. Kewajaran konsepsi Program Minimalis berteraskan prinsip minimaliti dan pertimbangan ekonomi dari segi representasi dan juga derivasi (Kartini 2015). Shorafat (1998, 2012) menjelaskan, tujuan pendekatan Chomsky diterapkan dalam bahasa Arab adalah bagi meneliti prinsip pembentukan struktur ayat dalam bahasa Arab. Jika berjaya, ia akan menyokong kedudukan Program Minimalis sebagai kajian berbentuk universal dan menyokong fenomena rentas-linguistik bahasa.

Dkhissi (2016) turut menegaskan, pendekatan Program Minimalis yang dianjurkan oleh Chomsky bertujuan untuk memberikan sintaksis yang lebih baik terhadap pemahaman pelbagai bahasa semulajadi dari segi derivasi berbentuk ekonomi dan perwakilan, termasuk bahasa Arab. Selain daripada itu, analisis melalui Program Minimalis dalam bahasa Arab turut melibatkan kajian-kajian perbandingan antara dialek setempat dengan BA yang dituturkan oleh bangsa Arab dalam lokasi geografi yang berbeza. Sebagai contoh, al-Shammiri (2016) telah mengkaji berkenaan serasi antara subjek dan kata kerja dalam bahasa Arab moden dan dialek penduduk Saudi, Swailem (2016) telah menjalankan kajian terhadap bahasa Arab moden dan bahasa Arab Tabuk, Taha dan Fazal Mohamed (2016) pula menganalisis sintaksis unergatif serta *wh-Movement* dalam bahasa Arab Sudan melalui kerangka Minimalis, Qbailat (2016) mengkaji struktur pasif melalui Program Minimalis dalam bahasa Arab penduduk Jordan dan al-Qumairi (2018) pula mengkaji berkenaan

serasi verbal dalam urutan kata bahasa Mehri, iaitu bahasa Arab Yaman. Pengkajian terhadap *Wh-Movement* bahasa Arab dalam pelbagai dialek Arab turut mendapat perhatian pengkaji, seperti Abu Jarad (2008) dalam bahasa Arab Palestin, Bardeas (2005) dalam bahasa penduduk Makkah, al-Mamani and al-Saiat (2010) dalam bahasa Arab Jordan, Leung dan Al-Eisaei (2011) bahasa Arab Emirate, al-Touny (2011) bahasa penduduk Kaherah, serta Cheng (2000), Lassadi (2003), Soltan (2010) and Yassin (2013) dalam bahasa Arab Mesir.

## V. PENUTUP

Kesimpulannya, Secara keseluruhannya, analisis dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pengkajian terhadap isu-isu yang berkaitan dengan binaan ayat dapat menyerlahkan kelompangan-kelompangan yang terdapat dalam kajian terdahulu. Analisis ini juga telah menzahirkan beberapa asas untuk kajian lanjutan. Berdasarkan kepada dapatan ini, jelas menunjukkan bahawa jenis ayat yang penting untuk dijadikan asas kajian ialah ayat jenis *fi'liyyah* berdasarkan kepada dua dapatan iaitu dapatan bahawa ayat dominan bahasa Arab adalah ayat *fi'liyyah* dan dapatan yang menunjukkan bahasa Arab didominasi oleh pola ayat *fi'liyyah*. Kajian ini juga menunjukkan bahawa analisis sintaksis melalui kerangka Program Minimalis telah menjadi pilihan oleh sebilangan pengkaji sintaksis bahasa Arab yang terdiri daripada pengkaji penutur natif Arab sendiri, selari dengan perkembangan semasa analisis sintaksis dan perubahan teori sintaksis Transformasi Generatif. Walaupun kajian ini mencadangkan Program Minimalis, sebuah teori barat, namun pengkajian ini tetap tidak akan mengabaikan usaha-usaha ilmuan besar bahasa Arab terdahulu dan kini dalam sumbangan mereka terhadap ilmu sintaksis bahasa Arab. Sebaliknya, melalui pengkajian ini, pandangan-pandangan para ilmuan agung bahasa Arab terdahulu dan terkini seharusnya dijadikan rujukan dan dengan itu dapat membuktikan kewibawaan serta kehebatan ilmuan terdahulu dalam menyediakan satu ilmu bahasa yang mantap dan terkehadapan, seterusnya mengangkat kedudukan ilmu sintaksis Arab pada kedudukan tertinggi.



## Rujukan

1. Abd. Rauf Dato' Haji Hassan Azhari, Muhd. Aziz dan Abd. Jabar. 2002. *Kamus Istilah Linguitik Arab-Inggeris-Melayu*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
2. °Amāyirah, Khalīl Ahmad. 1984. *fi Nahu al-Lughah wa Tarkībīhā*. Jeddah: °Ālam Ma'rifah.
3. al-Asadī, Hassan °Abd al-Ghānī Jawād. 1428H/2007M. *Maḥmūm al-Jumlah °Inda Sibawāih*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
4. Aoun, J., Benmamoun, E. and Choueiri, L. 2010. *The syntax of Arabic*. Cambridge: Cambridge University Press.
5. Aoun, J., Benmamoun, E. and Sportiche, D. 1994. Agreement, Word Order, and Conjunction in Some Varieties of Arabic. *Linguistic Inquiry*, 25. 195–220.
6. Ayyat, Amjed. Fazal Mohamed Sultan, Mohamed Subakir Yasin. 2013. *A Minimalist Approach to Short Passive in Standard Arabic*. *Australian Journal of Basic and Applied Sciences*, 7(9): 375-382.
7. Bakir, M. 1980. *Aspects of Clause Structure in Arabic*. Bloomington: Indiana University Linguistics Club.
8. Chomsky, N. 1995. *The Minimalist Program*. Cambridge, Mass: MIT Press.
9. al-Dahdāh. 1993. *Mu'jam Lughah al-Nahu al-°Arabī, °Arabi-Inklīzī*. Beirut: Maktabah Lubnān Nāshirūn.
10. Ḍayf, Shauqī. 1995. *Tajdīd al-Nahu*. Kaheerah: Dār al-Ma'ārif.
11. Dkhissi, Yahya. 2018. *On the Syntax of Complementizer Phrases in Standard Arabic: A Minimal Approach*. *International Journal of Arabic Language*. Vol. 4 Issue 2/2018 (pp. 253-270)
12. al-Fadhli, °Abd al-Hādī. 1976. *Mukhtasar al-Nahu*. Jeddah: Dār al-Shurūk.
13. Fakh, A. 2014. *Subject Wh-Movement in Najrani Arabic and Minimalism*. *International Journal of Linguistics*, 6(5), 89.
14. Fassi Fehri, A. 1993. *Issues in the structure of Arabic clauses and words*. Dordrecht: Kluwer Academic Publishers.
15. Fazal Mohamed Mohamed Sultan. 2010. Teori Chomsky dan cabaran Bahasa Melayu. *Jurnal Kesturi*. Vol 20(1), 28-47.
16. Kafin Jaladri. 2013. *Anastrofe dalam kalimat bahasa arab (taqdim dan ta'khir)*. <http://etd.repository.ugm.ac.id/> 142
17. Kartini Abd. Wahab. 2013. Tinjauan Pembentukan Struktur Pasif Di- Berdasarkan Tiga Pendekatan Tatabahasa Generatif. *Jurnal Melayu* 11,30-50.
18. Kartini Abd. Wahab. 2015. Analisis Struktur Pasif Bahasa Melayu: Satu Pendekatan Minimalis. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
19. Khūlī, Muḥammad °Ali. 2001. *Madkhal ila °Ilm al-Lughah*. Jordan: Dār al-Falāh.
20. Majdi, B. 1990. *Word order and proper government in Classical Arabic*. In Eid, M. (ed.), *Perspectives on Arabic Linguistics I*. Amsterdam: John Benjamins, 155-172
21. Mohammad, M. 1990. *The problem of subject-verb agreement in Arabic: Towards a Solution*. In Eid, M. (ed.) *Perspectives in Arabic Linguistics I*. Amsterdam: Benjamins, 95–125.
22. Mohammad, M. 2000. *Word Order, Agreement in Arabic*. Amsterdam: John Benjamins B.V.
23. Mohd Faiz Mohd Sobari. 2004. Ayat aktif dan ayat pasif dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu: satu kajian perbandingan dari aspek kata kerja, pelaku, objek dan pelaku ganti. Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia.
24. Muhammad Marwan Ismail & Wan Moharani Mohammad. 2008. *Kajian tatabahasa Arab dahulu dan sekarang*. Nilai: USIM.
25. al-Mu'jam al-°Arabī al-Asāsī. T.th. al-Munazzomah al-°Arabiyyah li al-Tarbiyyah wa al-Tsaqāfah wa al-°ulūm.
26. Naḥlah, Maḥmūd Aḥmad. 1988. *Madkhal ilā Dirāsāt al-Jumlah al-°Arabiyyah*. Beirut: Dār al-Nahḍah al-°Arabiyyah.
27. Plunkett, B. 1993. *The Position of Subjects in Modern Standard Arabic*. In Eid, M. and Holes, C. (eds.), *Perspectives on Arabic Linguistics V*. Amsterdam: John Benjamins, 231-260.
28. Qabāwah, Fakhruddīn. 1401H/1981M. *Frāb al-Jumal wa Ashbāh al-Jumal*. Beirut: Dār Al-Āfāq Al-Jadīdah.
29. Qaddūr, Aḥmad Muḥammad. 1416H/1996M. *Mabādi' al-Lisāniyyat*. Damsyik: Dār al-Fikr.
30. al-Qbailat, Naji Masned dan al-Momani, Islam M. 2016. *Passive Sentences in Jordanian Arabic under the Minimalist Approach*. *International Journal on Studies in English Language and Literature (IJSPELL)* Volume 4, Issue 4, PP 26-35
31. al-Qumairi, Saeed dan Munir Shuib. 2018. *Verbal Agreement in Mehri Word Order: A Feature-based- Inheritance Model*. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum.* 26 (T): 57 - 78
32. al-Sāmīrā'ī, Fadil Salih. 2013. *al-Jumlah al-°Arabiyyah wa al-Ma'na*. Amman: Dar al-Fikr.
33. al-Shammiry, Khalaf M. J. 2016. *Subject Verb Agreement in Modern Standard Arabic (MSA) and Saudi Dialect of Arabic (SA): A New Minimalist Account*. *International Journal of Language and Literature*. Vol. 4, No. 2, pp. 83-92
34. al-Shorafat, Mohammed Odeh. 2018. *A Phasal Account of Arabic Passive Constructions*. *Journal of Theoretical Linguistics [online]*. 2018, vol. 15, no. 3 [cit. 2018-13-12].
35. Shormani, Mohammed Q. 2015. *Is Standard Arabic a VSO Language? Evidence from Syntax and Semantics*. *Al-Qalam Journal*. Issue (3)
36. Soltan, Usama. 2007. *On Formal Feature Licensing in Minimalism: Aspects of Arabic Morphosyntax*. University of Maryland: College Park. Ph.D. dissertation
37. al-Tunjī, Muḥammad. & al-Asmar, Raji. 1421H / 2001M. *Al-Mu'jam al-Mufaṣṣal fi °Ulūm al-Lughah (al-°Alsuniyyāt)*. Jld.1. Beirut: Dār Al-Kutub al-'Ilmiyyah.



